Soalan No : 39

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH : 6.4.2015

SOALAN :

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini rancangan untuk membina SRK Taman Sutera, Kajang, yang nampaknya telah terbengkalai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat perunding projek SK Taman Sutera Kajang telah membuat pindaan semula reka bentuk projek disebabkan aras tanah yang berbeza dengan pelan asal yang diluluskan oleh Majlis Perbandaran Kajang.

Oleh kerana Kebenaran Merancang (KM) telah tamat tempoh pada April 2014, permohonan semula KM akan dibuat secepat mungkin apabila mendapat kelulusan pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). Untuk makluman, proses memohon dan mendapatkan KM ini dijangka akan mengambil masa selama 2 hingga 3 bulan.

SOALAN NO.:40

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB. TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM**
KAWASAN	**:**	**SARATOK**
TARIKH	**:**	**6 APRIL 2015, ISNIN**

SOALAN:

YB. TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM (SARATOK) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perutusan tahap pelaksanaan jaringan lebuhraya merentasi negeri Sarawak dan apakah sebab yang melambatkan usaha melengkapkan infrastruktur utama tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini keseluruhan jajaran Jalan Pan Borneo di Sarawak sepanjang hampir 1,100 kilometer telah dibina dan berturap aspal. Daripada jumlah tersebut, 145 kilometer laluan Pan Borneo di Sarawak telah dinaikkan taraf kepada laluan 4 lorong 2 hala, iaitu di laluan Kuching – Serian dan laluan utama yang menghubungkan ke bandar Sibu. Manakala baki jajaran Jalan Pan Borneo yang masih belum dinaikkan taraf kepada laluan 4 lorong 2 hala akan dilaksanakan secara penswastaan mulai tahun 2016 hingga 2026.

Pelaksanaan projek Jalan Pan Borneo ini melibatkan kos yang tinggi di mana ia melibatkan skop membina jalan baru dan menaik taraf jalan sedia ada kepada laluan 4 lorong 2 hala. Pada masa kini Kerajaan telah meluluskan 3 projek baru Jalan Pan Borneo di Sarawak dengan nilai keseluruhan sebanyak RM880 juta. Projek-projek ini dilaksanakan menerusi kontrak konvensional JKR (bukan penswastaan), iaitu seperti berikut:

(1) Menaik taraf Jalan dari Simpang Nyabau ke Jalan Simpang Bakun, Sarawak (44km);
(2) Menaik taraf Jalan Batu 10 ke Batu 15, Jalan Kuching – Serian, Sarawak (8km); dan
(3) Membina 22 Lorong Memotong di Sarawak;

Mengenai status projek Jalan Pan Borneo yang bakal dilaksanakan menerusi penswastaan pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat skop pelaksanaan dan butir-butir terperinci mengenai baki Jalan Pan Borneo yang belum dibina dan dinaikkan taraf itu akan dimuktamadkan setelah perjanjian konsesi ditandatangani antara pembida konsesi dan Kerajaan. Pada masa kini cadangan penswastaan Jalan Pan Borneo untuk negeri Sarawak sedang dalam peringkat akhir rundingan dan ia dijangka akan dimuktamadkan dalam tempoh masa terdekat ini.

Sekian. Terima kasih.